



14 AUG, 2025

Tunggakan Air Kelantan dibayar ikut jadual pada TNB

Utusan Malaysia, Malaysia



Tunggakan Air Kelantan dibayar ikut jadual pada TNB

KOTA BHARU: Kerajaan negeri memberi jaminan tunggakan bil elektrik Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) berjumlah RM61 juta kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) diselesaikan mengikut jadual sebagaimana yang dipersetujui secara bersama.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Datuk Dr. Izani Husin berkata, tunggakan berlaku semasa negara berdepan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik Covid-19.

Katanya, kerajaan negeri sudah mengadakan pertemuan dengan TNB bagi mencari jalan penyelesaian terbaik, selain memastikan bayaran tunggakan disusun secara teratur tanpa menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada rakyat.

“Dalam mesyuarat Exco, isu ini memang telah dibincangkan. Sekarang penguurusan pembayaran semakin baik dan kita terus membuat bayaran secara berjadual, termasuk bagi bil lama.

“Mungkin ada beberapa bil di jajahan tertentu yang terlepas pandang, tetapi ia akan diselesaikan segera,” katanya selepas mesyuarat Exco di sini, semalam.